

BAHASA MELAYU

BAHASA RINGKASAN MELAYU

(oleh Musyfa‘)

Menurut sebagaimana kata hampir-hampir sekalian orang ramai serata dunia dan begitu juga di Malaya termasuklah saya sendiri, bahawasanya zaman ini ialah zaman kemajuan, kemaraan bersegera dan peringkasan yang panjang hendak dipendekkan dan bercepat tidak hendak melanjutkan masa lagi, seperti bercakap hendaklah yang segera difaham orang. Setengah daripada perlumbaan am yang amat zahir kepada kita sekalian sekarang ialah rekaan-rekaan baharu dan sesuatu bangsa, kaum puak berkehendakkan yang lambat supaya menjadi cepat dan yang jauh menjadi dekat iaitu seperti telegram yang tiada berkawat, telefon, radio, jentera tulis (*type writer*) tulisan ringkas, motokar-motokar, kapal-kapal terbang, bom-bom atom dan hidrogen dan seumpamanya yang membinasakan manusia dan seribu satu macam rekaan-rekaan yang baharu sama ada menyenangkan atau merosakkan manusia.

Jika sesuatu kaum, puak, bangsa dan negeri atau pemerintahnya lengah tidak masuk di dalam perlumbaan am ini nescaya bangsa atau negeri yang demikian itu tercicir di belakang daripada bangsa-bangsa dan negeri-negeri lain yang berkemajuan sebagaimana yang sangat dituntut oleh zaman sekarang.

Tujuan-tujuan hendak cepat dan ringkas itu saya pun bersetuju dan hendak bersama-sama mara ke hadapan dengan saudara-saudara kita sekalian umat Melayu di Malaya ini iaitu jika ada kemampuan saya, menuju jalan kemajuan yang sempurna dengan bertambah-tambah molek lagi daripada yang telah ada dahulu dan yang ada sekarang ini- tetapi janganlah kiranya

kehendak-kehendak kita sekarang bersangatan atau melampau-lampau kerana yang demikian itu tidak akan membawa kita kepada kesempurnaan yang sebenar-benarnya.

Adapun tentang bahasa kita Melayu pula wajiblah kita bersama-sama perbaiki sama ada pada persuratan dan sebutan-sebutannya kerana sesungguhnya naik bahasa naiklah bangsa. Dahulu daripada ini dengan tujuan yang ikhlas sudah saya menerangkan sedikit sebanyaknya berkenaan dengan bahasa Melayu kita seperti perkataan “yang” iaitu boleh dikatakan huruf penambah yang tiada patut dirangkaikan ejaannya sama ada pada permulaan atau pada akhir nama, atau ganti nama kerana walaupun betul pada sebutan, tetapi salah pada tulisan, dan demikian jugalah telah saya terangkan walaupun betul dalam tulisan Melayu, akan tetapi sangat berselisihan daripada sebutan-sebutannya; iaitu kerana semata-mata menurut sebutan lidah Melayu yang berlain-lainan kampung atau berlain negeri serata Semenanjung Tanah Melayu.

Saya percaya ada banyak saudara-saudara kita orang Melayu Sumatera sama ada diperanakkan di Tanah Melayu dan lebih-lebih lagi yang baharu duduk di negeri ini maka setengah daripada mereka itu terkhilaf di dalam cakapan mereka itu menyebut perkataan-perkataan Minangkabau (Menang kerbau) yang biasa disebut oleh orang di negeri Minangkabau, terutama sekali orang tua-tua di sana yang tiada pernah belajar di sekolah-sekolah.

Maka di sini sukaiah saya menyebut sedikit-sedikit perkataan Minangkabau yang sememang telah diringkaskan semenjak beratus-ratus tahun dahulu. Silalah perhatikan perkataan “Minangkabau” itu sehingga hari ini disebut-sebut orang “Minangkabau” pada halnya “Minangkabau” itu telah diringkaskan daripada perkataan “menang kerbau”. Pada zaman dahulu sudah ada seekor kerbau kesaktian yang menjadi johan pahlawan kerana barang ke mana kerbau itu diperlagakan maka dia jugalah yang menang dan juga kerbau kesaktian itu dibawa masuk ke dalam gelanggang-gelanggang peperangan-peperangan kecil maka kerbau itulah menjadi pembantu dan menyebabkan kemenangan. Demikianlah tersebut di dalam

sebuah buku salasilah negeri Minangkabau yang bernama “Cerita Cenderamata”.

Kerana tujuan saya di sini bukan hendak bercerita kisah “Cenderamata” itu hanyalah sedikit-sedikit perkataan ringkasan yang saya sendiri telah biasa dengar di Sumatera iaitu seperti di bawah ini:-

1- “Kema wak ang nak poei ekau?” Ertinya: Ke mana kamu hendak pergi ini?

2- “Ambo baru mandi di sumur baru sahaja; menjalang ke rumah dah sebatang awak ambo kering dan paneh”!

Ertinya: Baharu (sebentar) hamba mandi di telaga maka berjalan hendak ke rumah sudah seluruh tubuh hamba menjadi kering dan panas.

3- “Menga wak ang galak berkecek dengan fidosi?” Ertinya: Mengapa kamu suka bercakap-cakap dengan perempuan?

4- “Bera dibuli berih ekau?” Ertinya: Berapa dibeli beras ini?

5- “Sia berpidato semalam?” Ertinya: Siapa yang berucap semalam?

9- “Kok bak candu itulah pidato bu; nak muntah di kodok ambu mendengar nyua!” Ertinya: Jikalau semacam itulah ucapannya hendak muntah di belakang.....

Hamba mendengarnya (mendatangkan sangat kebencian).

7- “Kalau gadang suwok dari mulut baah nak mengunyah” Ertinya: Jikalau besar suap dari mulut bagaimana hendak memamah.

Adapun perkataan (5) Minangkabau “siya” itu harus menyebabkan perselisihan faham atau pengertian, kerana jika kiranya kita di Malaya ini berkata atau menulis misalnya: “Siya-siya (sesia) pun tidak mengapa” tidakkah yang demikian ini bererti dengan mengambil rambang sahaja, walau sesuatu atau

beberapa perkara yang sesia itupun tidak mengapa- maka boleh diterima juga?

Ada banyak lagi perkataan-perkataan peribahasa Melayu Minangkabau yang harus membawa perselisihan faham kita Melayu Semenanjung Tanah Melayu ini, tetapi tidaklah saya suka menulis panjang di sini kerana harus seorang tuan yang terafdal di sebuah negeri Tanah Melayu ini kelak menuduh saya mengagung-agungkan diri saya seolah-olah saya seorang pendita bahasa Melayu dan tahu segala selok belok bahasa Melayu- fuh, fuh, fuh, jauhlah saya daripada yang demikian! Tetapi walaupun begitu sesungguhnya tidak sekali-kali saya menjadi meradang kerana saya tahu bahawasanya salah dan khilaf itu sememang sifat kemanusiaan dan bijaksana, adil dan mengampuni menurut kuasanya sendiri itu sifat Tuhan. Dan lagi pula batang yang bengkok tak akan lurus bayangnya!

Kerana difikirkan mustahak maka saya dengan tulus ikhlas suka mengingatkan berkenaan dengan angka 6 yang di atas tadi nak muntah “dikuduk” (KUDUK) itu janganlah kiranya digunakan di sebarang-sebarang tempat atau sebarang orang sahaja kerana ertinya yang sebenar kurang adab dan kasar sangat. Adapun “kuduk”ertinya tengkuk di sebelah pihak belakang leher, hanyalah di dalam peribahasa ini disifatkan pengganti mulut, kerana lazim muntah dikeluarkan di mulut tidak di tengkuk, kerana di tengkuk tiada sesuatu pintu atau lubang jalan mengeluarkan muntah, melainkan jika di susur dari pihak belakang leher menurut tulang tengkuk selari tulang sehingga sehabis-habis ke bawah sekali tentulah ada di situ suatu jalan mengeluarkan isi perut yang dikatakan “muntah” di dalam peribahasa ini –itulah sebabnya saya katakan “muntah di belakang”, yakni benci sangat.

Dalam tahun 1930 M. iaitu kira-kira 50 tahun dahulu masa saya bertandang desa “di batin enam suku”- 1. Manda -2. Eagle – 3. Pelanduk- 4. Bentayan- 5.Pulau Palas

(sambungan pada muka 33)